

24 SEP 2001

Mahathir-Pilihanraya

GUNA PETI UNDI UNTUK PERTINGKAT TARAF HIDUP, KATA DR M

SEMOP (Bahagian Sarikei), 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru penduduk Sarawak supaya menggunakan hari pengundian pada Khamis ini sebagai satu lagi peluang baru untuk pertingkatkan kualiti kehidupan mereka.

Perdana Menteri berkata mereka tidak harus terpengaruh dengan pembangkang yang mahu menanam sikap benci terhadap kerajaan yang memerintah.

"Dalam realiti, mereka tidak dapat berbuat apa-apa bagi rakyat," kata beliau semasa merasmikan projek bekalan air bernilai RM55-juta yang akan membawa manfaat kepada lebih kurang 13,000 orang di Pulau Bruit dan di Serdeng di sini.

Dr Mahathir berkata Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menumpukan perhatian bagi memajukan semua bahagian negara.

"Dalam berbuat demikian, kita tidak akan mengabaikan walaupun tempat terkecil khasnya kawasan-kawasan yang tidak mempunyai bekalan air dan elektrik," katanya.

Beliau memberi jaminan kepada penduduk Sarawak yang Kerajaan Persekutuan akan membantu Kerajaan Negeri untuk memajukan tempat-tempat terpencil seperti Pulau Bruit yang 60 peratus daripada penduduk pulau itu rata-ratanya miskin.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan sedar yang masih terdapat banyak tempat di Sabah dan Sarawak yang bilangan besar penduduknya adalah miskin.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan lebih banyak peruntukan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

"Ini bukan janji kosong. Kita akan memenuhinya dan bukan seperti pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang hanya boleh melatah dan mengkritik.

"Apa sahaja yang kita boleh belanja, kita akan membelanjakannya demi manfaat rakyat. Kita perlu memastikan pendapatan kerajaan diagihkan dengan adil ke semua tempat di negara," kata beliau.

Beliau berkata Kerajaan Persekutuan dan Negeri beruntung kerana pendapatan masing-masing terus meningkat dari hari ke hari.

Menyentuh mengenai pilihanraya negeri Sarawak, Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata beliau yakin yang BN sekali lagi akan membentuk Kerajaan Negeri akan datang dengan sokongan dan kerjasama rakyat.

Beliau berkata, Sarawak adalah sebuah negeri dengan potensi yang luas memandangkan saiznya sebesar Semenanjung Malaysia.

"Dengan Kerajaan Negeri yang kukuh, Sarawak boleh dimajukan lagi supaya setaraf dengan beberapa negeri maju yang lain," katanya.

Satu kemenangan yang memberangsangkan akan membolehkan Kerajaan Negeri BN memajukan tempat-tempat terpencil seperti Pulau Bruit dengan segera.

Dalam hal ini, Dr Mahathir meminta Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi yang juga anggota Parlimen Kuala Rajang supaya merancang pembangunan kawasan itu.

Pulau Bruit yang terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Serdeng bersama kawasan Dewan Undangan Negeri Belawai dan Matu-Daro membentuk kerusi Parlimen Kuala Rajang.

Dr Mahathir berkata beliau kecewa kurangnya pembangunan di kawasan itu sehinggakan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya sebelum itu menyifatkan Pulau Bruit sebagai kawasan termundur di Sarawak.

Perdana Menteri berkata ia akan mengambil sedikit masa untuk membawa pembangunan signifikan ke kawasan itu memandangkan kos tinggi yang terlibat.

Beliau menyeru penduduk di situ supaya mengundi bagi calon BN bagi Serdeng Datuk Mohd Asfia Awang Nassar yang juga penyandang kerusi itu supaya pembangunan yang telah dirancang boleh diteruskan tanpa gangguan.

Mohd Asfia, Speaker Dewan Undangan Negeri akan mempertahankan kerusi itu bagi penggal ketiga dan beliau dicabar oleh calon Bebas, Awang Kadir Madahan.

Kawasan Dewan Undangan Negeri Serdeng mempunyai 6,385 pengundi Melanau/Melayu, 1,647 Iban dan 70 Cina.

-- BERNAMA

ESS TS PR